

31 AUG 1999

Merdeka-Generasi muda

GENERASI MUDA BANGGA DR MAHATHIR AKUI MEREKA HAYATI MERDEKA

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Generasi muda yang turut menyambut ulangtahun ke-42 kemerdekaan negara bangga kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengiktiraf mereka sebagai antara golongan yang turut menghayati Hari Kebangsaan negara.

Rata-rata mereka gembira kerana kenyataan Perdana Menteri malam tadi sekali gus "membersihkan" mereka daripada pelbagai tuduhan kononnya generasi muda alpa dengan kemewahan, tidak memahami erti kemerdekaan, apatah lagi bersifat patriotik.

"Saya mewakili ribuan kawan-kawan sebaya di sini hari ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana membersihkan nama kami," kata Mohamed Azli Abdullah, 23, pelajar sarjana muda perakaunan Universiti Teknologi Mara.

Beliau dan empat rakan yang berada di Dataran Merdeka sejak pukul 6 pagi untuk menyaksikan perarakan Hari Kebangsaan dan melihat dari dekat wajah-wajah pemimpin negara, berkata mereka tumpang bangga di atas kejayaan demi kejayaan yang ditempa Malaysia.

"Kami bangga dengan Datuk Azhar Mansor (pelayar negara yang mengelilingi dunia secara solo), dengan adik beradik Reed yang berjalan ke darjah sifar di Kutub Utara, dengan pasukan pendaki Gunung Everest kita dan dengan sumbangan kepada pembangunan oleh lebih 140,000 lepasan Institut Teknologi Mara," katanya.

Dr Mahathir malam tadi menyatakan kegembiraan beliau melihat kebanjiran generasi muda di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini bagi sama-sama menyambut ulangtahun Hari Kebangsaan dengan ceria dan sorak sorai.

Dalam persidangan video dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri yang disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia ke seluruh negara, beliau dengan senyum lebar berkata itu merupakan petanda baik untuk negara kerana mereka sama-sama menghayati Hari Kebangsaan negara.

Seorang peserta persembahan gimrama, satu daripada acara sambutan kemerdekaan hari ini, T.J Liew, 17, juga gembira dengan kenyataan Dr Mahathir itu kerana bukan semua remaja "jahat dan suka lepak" tetapi sedikit sahaja yang sebegitu.

"Ramai yang baik...macam saya (sambil ketawa)...kami hanya belajar untuk mengejar cita-cita, kami sayangkan negara dan keluarga," katanya.

Lebih 2,100 remaja, yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah dan rendah di Wilayah Persekutuan menyatakan dengan cara mereka tersendiri rasa bangga dan cinta kepada negara dengan menyertai pasukan persembahan gimrama.

Hampir 2,300 orang lagi remaja dan belia menyertai perbarisan sama ada sebagai anggota kumpulan pancaragam sekolah dan pusat pengajian tinggi, pembawa bendera dan wakil persatuan beruniform.

Anggota sebuah pancaragam sekolah, yang hanya mahu dikenali sebagai Azlin, berkata kalau tidak kerana cintakan negara dan bangga menjadi rakyat Malaysia tentulah beliau dan rakan-rakannya awal-awal lagi tidak akan menyertai perbarisan itu dan mengikuti latihan yang sudah lama dijalankan.

Pelajar sebuah pusat pengajian tinggi swasta dari Klang, Hafez Osman, 21, berkata beliau tidak berpeluang menyertai sebarang acara perbarisan dan perarakan tetapi hadir di Dataran Merdeka sejak 6.30 pagi bersama-sama keluarga untuk berkongsi kebanggaan menjadi rakyat Malaysia yang merdeka.

"Merdeka ertinya merdeka bukan sahaja daripada penjajahan tentera asing tetapi juga daripada kongkongan pemikiran kita sendiri...sentiasalah

berfikir boleh seperti Perdana Menteri kita dan wira-wira negara kita," katanya.

Kenyataan Perdana Menteri bahawa sebenarnya ramai generasi muda turut menghayati kemerdekaan negara, ada benarnya kerana pada perbarisan, perarakan dan persembahan padang di Dataran Merdeka hari ini sahaja generasi muda membentuk hampir separuh daripada 9,362 peserta.

-- BERNAMA

MNY AKD